

FAQ PORE FILLER+ MATTIFYING PRIMER

1. Apakah perbezaan produk ini dengan argan primer dan tea tree primer?

ARGAN OIL PRIMER	TEA TREE OIL PRIMER	PORE FILLER+MATTIFYING PRIMER
<ul style="list-style-type: none"> • Oil-based Primer • Bertekstur seakan gel ringan yang tidak berwarna • Lembut pada kulit, tidak menyumbat pori & tidak menyebabkan iritasi • Mengandungi kandungan argan oil yang akan bantu merawat masalah kulit kering. • Melembap kulit dan elakkan terjadinya kulit kasar dan dry patches pada kulit. • Menyamarkan pori dan garis halus pada kulit wajah • Bantu kulit jadi lembut dan licin untuk memudahkan aplikasi makeup. • Menyediakan kanvas yang sempurna untuk wajah sebelum bersolek. • Bantu solekan jadi tahan lebih lama dan kelihatan lebih natural. • Mengelakkan solekan dari creasing, crack, cakey atau bercapuk. • Melindungi kulit dari bahan kimia yang terkandung dalam produk solekan. • Bersifat anti penuaan dan tinggi anti oksida untuk melindungi dan merawat kulit.Sesuai untuk kulit kering, sensitif, kombinasi dan normal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Oil-based Primer • Bertekstur seakan gel ringan yang tidak berwarna • Lembut pada kulit, tidak menyumbat pori & tidak menyebabkan iritasi • Mengandungi kandungan tea tree oil yang akan bantu merawat masalah kulit berminyak/berjerawat. • Mengawal pengeluaran sebum dan elakkan dari kulit jadi terlalu berminyak. • Membantu mengecutkan jerawat dan mengurangkan iritasi jerawat. • Menyamarkan pori dan garis halus pada kulit wajah • Bantu kulit jadi lembut dan licin untuk memudahkan aplikasi makeup. • Menyediakan kanvas yang sempurna untuk wajah sebelum bersolek. • Bantu solekan jadi tahan lebih lama. • Mengelakkan solekan dari creasing, crack, cakey atau bercapuk. • Melindungi kulit dari bahan kimia yang terkandung dalam produk solekan. • Bersifat anti bakteria dan tinggi anti oksida untuk melindungi dan merawat kulit.Sesuai untuk kulit berminyak, jerawat, sensitif dan kombinasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Silicone-based primer • Bertekstur seakan gel ringan yang tidak berwarna • Sangat sesuai untuk menutup tampilan pori besar pada wajah dan bantu menyekatakan tekstur kulit. • Berkemasan matte yang akan bantu untuk mengawal kilatan wajah. • Lembut pada kulit, tidak menyumbat pori & tidak menyebabkan iritasi • Mengawal pengeluaran sebum dan elakkan dari kulit jadi terlalu berminyak. • Menyamarkan pori dan garis halus pada kulit wajah • Bantu kulit jadi lembut dan licin untuk memudahkan aplikasi makeup. • Menyediakan kanvas yang sempurna untuk wajah sebelum bersolek. • Bantu solekan jadi tahan lebih lama. • Mengelakkan solekan dari creasing, crack, cakey atau bercapuk. • Mengandungi bahan seperti Gabonensis Kernel Butter, Vitamin E & Beeswax yang bantu lindungi kulit, melembap kulit dan sebagai agen anti penuaan kulit. • Sesuai untuk kulit berminyak, kombinasi, pori besar, normal

2. Adakah produk ini sesuai untuk semua jenis kulit? Kerana argan dan tea tree mengikut jenis kulit?

Ya. Sesuai untuk semua jenis kulit wajah tetapi tidak digalakkan penggunaan untuk mereka yang memiliki kulit yang terlalu sensitif dan terlalu kering.

3. Adakah produk ini waterbased dan sesuai untuk semua jenis kulit termasuk kulit yang berjerawat dan terlalu kering?

Pore Filler + Mattifying Primer ini bersifat silicone-based. Walaubagaimanapun, kandungan silicone dalam primer ini tidak akan menyebabkan masalah kulit seperti timbulnya jerawat, pori tersumbat ataupun iritasi pada kulit.

4. Adakah jaminan waktu untuk ketahanan makeup jika pengguna menggunakan produk ini? Seperti contoh 'ketahanan melebihi 4jam'

Penggunaan primer sebelum solekan akan bantu untuk membuatkan solekan tahan lebih lama dan Pore Filler + Mattifying Primer ini bersifat mattifying dan oil control dimana ia bantu untuk elak solekan dari menjadi cakey, creasing dan bercapuk sepanjang hari. Akan tetapi, ketahanan solekan dari menjadi bercapuk selepas penggunaan primer adalah bergantung kepada jenis kulit individu dan persekitaran.

5. Adakah produk ini perlu di sapu ke pori yang terbuka sahaja atau seluruh muka?

Pore Filler + Mattifying Primer ni perlu disapu keseluruh muka sebelum bersolek. Bagi yang ada masalah kulit terlalu berminyak dan berpori besar, boleh fokuskan sapuan primer pada kawasan tersebut.

APA ITU PORE FILLER + MATTIFYING PRIMER

- Primer ringan bertekstur gel yang memberi kemas matte pada solekan sekaligus membantu agar solekan kekal sepanjang hari dan tidak bercapuk.
- Dirumus khas untuk membantu mengurangkan kilatan akibat wajah berminyak serta menyamakan tampilan pori-pori pada wajah untuk kemas solekan yang sempurna.
- Diperkaya dengan formulasi bahan terpilih yang bukan sahaja membantu memberi kanvas wajah yang sempurna tetapi turut memberi kebaikan kepada kulit wajah.
- Ia turut membantu mengawal pengeluaran sebum, melindungi kulit wajah, tidak akan menyumbat liang pori dan tidak menyebabkan iritasi kepada kulit.
- Bebas PARABEN dan sesuai untuk kulit berminyak, kombinasi, pori besar, normal.

BAHAN UTAMA PORE FILLER + MATTIFYING PRIMER

C30 – 45 Alkyl Cetearyl Dimethicone Crosspolymer, Cetearyl Dimethicone Crosspolymer, Cyclopentasiloxane, Beeswax, Peg – 9 Dimethicone, Tocopherol, Irvingia Gabonensis Kernel Butter (30ml)

- **IRVINGIA GABONENSIS KERNEL BUTTER (AFRICAN MANGO)**
 - Tinggi antioksidasi
 - Mengawal pengeluaran sebum
 - Menyamarkan garis halus dan kedutan
 - Menjadikan kulit lebih gebu dan lembut
- **TOCOPHEROL**
 - Dikenali sebagai Vitamin E
 - Tinggi dengan anti oksida
 - Memberi lembapan pada kulit
 - Agen anti penuaan
- **CYCLOPENTASILOXANE**
 - Silikon yang bersifat ringan dan lembut
 - Memberi kanvas sempurna pada wajah
 - Solekan tahan lebih lama
 - Mengawal sebum dan peluh
- **BEESWAX**
 - Melindungi kulit dari radikal bebas & bakteria
 - Mengekalkan kelembapan kulit
 - Mengandungi Vitamin A untuk menyegar, melembut & melembap kulit
 - Anti inflamasi, anti bakteria & anti virus

APA ITU SILICONE-BASED PRIMER

MITOS: Silikon dalam kosmetik punca kulit breakout dan pori jadi lebih besar.

FAKTA: Silikon sering digunakan sebagai bahan utama dalam produk kosmetik kerana ianya bantu menyamarkan penampilan pori pada wajah dan bantu sekatakan tekstur kulit. Jika terjadinya breakout atau pori menjadi lebih besar itu bermakna, kulit wajah tidak dibersihkan dengan betul selepas menggunakan produk yang mengandungi silikon. Ini kerana silikon bertindak sebagai lapisan atas kulit yang melindungi kulit dari radikal bebas dan mengawal pengeluaran sebum pada wajah.

- Silicone-based primer bertindak sebagai barrier diantara minyak dari kulit wajah dan minyak yang terkandung dalam foundation. Barrier ini akan bantu untuk elak terjadinya oxidation & creasing pada foundation.
- Silicone-based primer diformulasikan agar ianya memberi efek smoothing dan mattifying dimana ia akan beri tekstur kulit yang lebih licin dan bantu dalam mengawal kilatan pada wajah.
- Silicone-based primer sangat popular digunakan untuk menyamarkan tampilan pori pada wajah dan kawal pengeluaran sebum yang terlalu banyak pada kulit wajah.
- Tekstur primer yang berasaskan silikon ini adalah lembut dan licin dan biasanya meninggalkan rasa lembut seakan baldu pada kulit wajah.
- Silicone-based primer sangat sesuai digunakan oleh mereka yang memiliki kulit berminyak dan kombinasi.
- Walaubagaimanapun, penggunaan produk berasaskan silikon ini tidak digalakkan untuk mereka yang memiliki kulit terlalu sensitif dan berjerawat.
- Cara nak kenal produk yang berasaskan silikon ni senang sahaja. Cari nama bahan yang diakhiri dengan **-cone**, **-methicone**, **-silicate** atau **-siloxane** ataupun bahan-bahan seperti:
 - Dimethicone
 - Cyclomethicone
 - Cyclopentasiloxane
 - Cyclohexasiloxane
 - Trisiloxane
 - Trimethicone
 - Trimethylsiloxysilicate
 - Caprylyl methicone
 - Phenyl trimethicone

KEPENTINGAN PENGGUNAAN PRIMER SEBELUM SOLEKAN

- Primer membentuk lapisan pelindung diantara kulit dan solekan. Primer akan bantu untuk elakkan pori kita dari tersumbat dengan bahan kimia dari produk solekan.
- Primer bertindak untuk mengunci lembapan wajah, mengawal pengeluaran sebum dan bantu untuk buat solekan tahan lebih lama pada kulit.
- Penggunaan primer akan bantu untuk menyekatakan tekstur kulit. Ini akan bantu untuk sapuan foundation yang sempurna dan membuatkan wajah kelihatan licin dan flawless.
- Bagi yang ada masalah kulit berpori besar, kedutan dan gari halus, penggunaan primer akan bantu untuk kulit kelihatan lebih smooth dan flawless.
- Primer juga bantu untuk elakkan solekan dari bercapuk, cakey, creasing dan cair akibat sebum pada kulit wajah.
- Setiap jenis kulit mempunyai keperluan kemas primer yang berbeza. Bagi kulit kering, pilih primer yang memberi lembapan dan hidrasi pada kulit. Bagi yang ada kulit berminyak atau berjerawat, pilih primer yang berkemasan matte.

RUTIN PENJAGAAN WAJAH & SOLEKAN UNTUK KULIT KERING, NORMAL & SENSITIF
(SIANG)

1. Cuci wajah dengan **FACE CLEANSING MAKEUP REMOVING GEL**
2. Semburkan **COLLAGEN FACIAL SPRAY** pada seluruh wajah
3. Sapukan **SUPER HYALURONIC ACID SERUM** pada seluruh wajah
4. Sapu **ROSE STEM CELL MOISTURIZER EMULSION** untuk melembap wajah
5. Sapukan **WHITENING PEARL CREAM** ke seluruh wajah
6. Sapu **UV DEFENSE CREAM HYDRATING TINTED SUNSCREEN** atau **UV CREAM SPF50++ HYDRAFRESH TRANSLUCENT CREAM** untuk lindungi wajah dari sinar UV
7. Semburkan **COLLAGEN FACIAL SPRAY** sekali lagi untuk menambah lembapan pada wajah
8. Sapu **ARGAN OIL PRIMER** atau **PORE FILLER + MATTIFYING PRIMER** pada seluruh wajah
9. Teruskan dengan rutin solekan seperti biasa.
10. Akhiri solekan dengan menyembur **MATTIFYING SETTING SPRAY** ke seluruh wajah untuk mengunci kemasan solekan.

RUTIN PENJAGAAN WAJAH & SOLEKAN UNTUK KULIT BERMINYAK, KOMBINASI & JERAWAT
(SIANG)

1. Cuci wajah dengan **ACNE BAR SOAP** atau **GOLDEN HERBS SOAP**
2. Sapu **SCAR TONER** ke seluruh wajah dengan menggunakan cotton pad
3. Semburkan **X-NE FACIAL SPRAY** pada seluruh wajah
4. Sapukan **SUPER HYALURONIC ACID SERUM** pada seluruh wajah
5. Sapu **72HR MOISTX ULTRA HYDRATING GEL** untuk melembap wajah
6. Sapukan **ACNE BALM** pada kawasan berjerawat
7. Sapu **UV DEFENSE CREAM MATTE SUNSCREEN** atau **UV CREAM SPF50++ HYDRAFRESH TRANSLUCENT CREAM** untuk lindungi wajah dari sinar UV
8. Semburkan **X-NE FACIAL SPRAY** sekali lagi untuk menambah lembapan pada wajah
9. Sapu **TEA TREE OIL PRIMER** atau **PORE FILLER + MATTIFYING PRIMER** pada seluruh wajah
10. Teruskan dengan rutin solekan seperti biasa.
11. Akhiri solekan dengan menyembur **MATTIFYING SETTING SPRAY** ke seluruh wajah untuk mengunci kemasan solekan.